


TIONG BATU
Dollarbird

FAMILI: Coraciidae
NAMA SAINTIFIK: *Eurystomus orientalis*



CIRI-CIRI

Bagi burung dewasa ia agak jelas untuk dikenalpasti melalui bahagian kepala dan belakang yang berwarna coklat gelap, bahagian atas badan yang berwarna coklat kehijauan gelap, bahagian leher yang berwarna ungu kebiruan gelap dengan jalur-jalur yang berwarna muda dan kebiruan, bahagian bawah badan yang berwarna biru air laut yang gelap dengan bahagian dada yang berwarna coklat kehijauan, manakala bahagian paruh agak tebal dan berwarna merah. Bulu penutup sayap kebanyakannya berwarna biru air laut yang lusuh manakala bahagian sayap dan ekor pula berwarna hitam. Dari jauh, ia kelihatan berwarna hitam secara keseluruhannya. Semasa terbang, tompok yang berwarna biru air laut keperakkan jelas dilihat pada bahagian sayap. Bagi burung juvenil pula, paruh berwarna kehitaman, bahagian atas badan berwarna lebih kecoklatan, manakala bahagian kepala termasuk tekak berwarna coklat.

SAIZ

Panjang keseluruhan bagi spesies ini adalah di antara 27.5-31.5 sm.

MAKANAN

Serangga, reptilia dan lain-lain haiwan kecil.

HABITAT

Ia mendiami kawasan hutan dipterokap tanah pamah, pinggir hutan, kawasan lapang, kawasan perladangan, hutan paya bakau, hutan pulau sehingga ke ketinggian 1,500 m dari aras laut.

BUNYI

Ia mengeluarkan bunyi garau *kreck, kreck...;kak;kiak* yang tinggi dan nyaring dan kadang-kala dalam siri yang agak cepat.

PEMBIAKAN

Musim membiak adalah dari bulan Disember hingga September setiap tahun di mana burung betina mampu menghasilkan 2 biji telur.

STATUS

Akta 72/76, dipelihara.